

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE  
[SANDAKAN]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan adakah Kementerian akan mempertimbangkan untuk mengharamkan penggunaan plastik sekali guna untuk menyelesaikan isu pencemaran plastik yang begitu serius di negara kita.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kementerian buat masa ini tidak bercadang untuk mengharamkan terus penggunaan beg plastik di seluruh negara tetapi ingin melihat perubahan di kalangan pengguna secara sukarela. Pelan Hala Tuju Malaysia ke arah Sifar Penggunaan Plastik Sekali Guna, 2018 – 2030 menggunakan pendekatan “*polluter pays principal*” dengan memperkenalkan caj pencemaran minimum 20 sen ke atas setiap beg plastik yang diberikan kepada pelanggan di premis perniagaan.

2. Pelan ini mengambil masa selama 12 tahun memandangkan Kerajaan perlu memastikan penyelesaian holistik dan lestari dalam menangani isu plastik sekali guna, selari dengan *Sustainable Development Goal* oleh PBB. Ini adalah kerana industri plastik di Malaysia merupakan mata pencarian kepada lebih 79,000 pekerja dan kita tidak

**NO. SOALAN : 451**

mahu individu kehilangan sumber pendapatan akibat satu polisi yang keras, sedangkan ada pendekatan yang lebih baik untuk jangka panjang.

3. Pemansuhan plastik sekali guna secara mendadak tanpa disertai dengan program kesedaran kepada pengguna juga hanya akan menggalakkan salah tanggapan rakyat terhadap polisi kerajaan. Apa yang dimahukan adalah rakyat sedar dan faham kesan dan akibat penggunaan plastik sekali guna kepada alam sekitar, sekali gus mengambil inisiatif sendiri untuk menolak penggunaan plastik sekali guna, sebagai contoh membawa beg sendiri ketika membeli-belah dan tidak menggunakan straw semasa minum.

Sekian, terima kasih.